

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
[TASEK GELUGOR]**

TARIKH : 23 MEI 2016 (ISNIN)

SOALAN:

Datuk Haji Shabudin Bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menyemak semula Enakmen Keluarga Islam bagi meningkatkan usia minimum pasangan Islam.

JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Sesungguhnya Kerajaan sentiasa berusaha untuk membuat penambahbaikan kepada undang-undang sedia ada bagi memantapkan dan memperkemaskan lagi sistem perundangan Islam di Malaysia. Sehubungan itu, Kerajaan mengalu-alukan sebarang cadangan untuk menyemak Undang-Undang Keluarga Islam termasuklah usia minimum pasangan.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kuasa berkaitan hal ehwal Islam termasuk undang-undang Islam adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri sebagaimana yang diperuntukkan dalam Butiran 1, Senarai II, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. Justeru itu, sebarang cadangan semakan yang berkaitan undang-undang Keluarga Islam hendaklah diperhalusi oleh Kerajaan Negeri sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Pada ketika ini, tiada perkahwinan boleh diakadnikahkan jika lelaki itu berumur kurang daripada lapan belas tahun atau perempuan berumur kurang daripada enam belas tahun kecuali jika Hakim Syarie telah memberi kebenaran. Ini kerana Undang-undang Syariah telah pun memperuntukkan prosedur yang ketat bagi mana-mana individu bawah umur yang ingin berkahwin. Misalnya Seksyen 8 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303] telah memperuntukkan seperti berikut:

*“Tiada suatu perkahwinan boleh diakadnikahkan di bawah Akta ini jika lelaki itu berumur kurang daripada lapan belas tahun atau perempuan itu berumur kurang daripada enam belastahun **kecuali** jika Hakim Syarie telah memberi kebenarannya secara bertulis dalam hal keadaan tertentu.”*

Mahkamah Syariah juga telah menyediakan *Standard Of Procedure* bagi menguruskan perkahwinan pasangan bawah umur menurut lunas undang-undang.

Sekian, terima kasih.